



قجابت ستياوسها كراجاان جوهر بهاكين خدمت قشوروسن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
ARAS 1, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Telefon: Pejabat Am: 07-266 6070/71

Faks: 07-290 9955 (TSUK)/07-290 9022 (Pentadbiran)/07-290 8077 (Kewangan)

Laman Web: www.johor.gov.my/sukj

Rujukan Kami : SUKJ.BKP.100-1/3/1 (9)
Tarikh : **16** November 2023

Semua Jabatan Negeri / Persekutuan Johor
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor
Semua Badan Berkanun Negeri / Persekutuan Johor
Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri / Persekutuan Johor
Semua Agensi Swasta dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Dato' / Yang Berhormat Datin Paduka / Ydh Dato' / YAA / YM Ungku / Tuan / Puan,

PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR BILANGAN 2 TAHUN 2023 **PANDUAN PENGGUNAAN GELARAN MENGIKUT KEPADA PROTOKOL NEGERI JOHOR**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.


2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor di mesyuaratnya pada **2/8/2023** menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. **1517/2023** iaitu Kertas Bil. **(2)** telah **BERSETUJU** dengan Panduan Penggunaan Gelaran Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor dan dijadikan sebagai Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor.

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor **JUGA BERSETUJU** agar Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor berkaitan Panduan Penggunaan Gelaran Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor hendaklah dipatuhi oleh Jabatan Negeri dan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan serta semua agensi di negeri Johor.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bilangan 2 Tahun 2023, Panduan Penggunaan Gelaran Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor untuk makluman dan tindakan Yang Berhormat Dato' / Yang Berhormat Datin Paduka / Ydh Dato' / YAA / YM Ungku / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI)
Setiausaha Kerajaan
Johor

HIHA/FJ/NFJ/MAS/fatin/SUKJ.BKP.100-1/3/1 (9)



**PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR
BILANGAN 2 TAHUN 2023**

**PANDUAN PENGGUNAAN GELARAN MENGIKUT KEPADA
PROTOKOL NEGERI JOHOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada orang awam berkenaan Panduan Penggunaan Gelaran Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jumaah Majlis DiRaja Johor Bil 8/2022 pada 6 September 2022 telah membentangkan Kertas JMD Bil 9/2022 (Gelaran) seterusnya bersetuju dan mengesyorkan Kerajaan Negeri mengeluarkan pekeliling terhadap Panduan Penggunaan Gelaran Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor untuk mengelakkan kekeliruan pihak awam.
- 2.2 Pekeliling ini bertujuan memberi pencerahan penggunaan gelaran bagi Ahli-ahli Darjah Mahkota Johor, Darjah Sultan Ismail Johor dan Darjah Sultan Ibrahim Johor untuk dijadikan panduan dan rujukan semua pihak. Bagi makluman jua Darjah Kerabat Johor tidak membawa gelaran.
- 2.3 Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia yang dizahirkan pada 30 Julai 1886 termasuk undang-undang dan peraturannya, cara pemakaian darjah, dan

gelaran ahlinya dipadankan dari darjah kebesaran Inggeris *The Most Distinguished Order of St. Michael and St George*.

- 2.4 Pangkat Pertama (*Grand Commander*) bagi Darjah Mahkota Johor digelar Dato' Sri Paduka Mahkota Johor (SPMJ), tetapi Ahlinya bergelar Dato' dan bukan Dato' Sri. Gelaran bagi Pangkat Kedua (*Commander*) Dato' Paduka Mahkota Johor (DPMJ) adalah sama iaitu Dato'.
- 2.5 Rasionalnya ialah ahli Pangkat Pertama *Knight Grand Cross (GCMG)* dan Pangkat Kedua *Knight Cross (KCMG)* dikurnia *Knighthood* dan diberi gelaran yang sama iaitu "Sir". Sultan Abu Bakar tidak membezakan pangkat ahli darjah supaya tidak menjadi rebutan. Peraturan yang sama dipakai bagi Darjah Sultan Ismail Johor dan Darjah Sultan Ibrahim Johor. Ahli wanita bagi *GCMG* dan *KCMG* bergelar *Dame*. Oleh itu Ahli wanita bagi SPMJ dan DPMJ bergelar Datin Paduka, bukan Dato'.
- 2.6 Isteri kepada British Knight "Sir" diberi gelaran "Lady" diikuti nama suami. Misalnya isteri Sir Winston Churchill bergelar "Lady Churchill". Itulah sebabnya isteri Dato' Johor misalnya isteri Dato' Rahim digelar "Datin Dato' Rahim", melainkan jika isteri itu menjadi ahli darjah dan boleh menggunakan gelaran "Datin Paduka".

3. RINGKASAN GELARAN

3.1 Panduan Penggunaan Ringkasan Gelaran adalah seperti berikut :

DARJAH	GELARAN PENERIMA / PASANGAN			
	LELAKI	ISTERI	PEREMPUAN	SUAMI
DATO' SRI PADUKA MAHKOTA JOHOR (SPMJ)	DATO'	DATIN DATO' (NAMA SUAMI)	DATIN PADUKA	TIADA

DATO' SRI SETIA SULTAN ISMAIL JOHOR (SSIJ)	DATO'	DATIN DATO' (NAMA SUAMI)	DATIN PADUKA	TIADA
DATO' SRI MULIA SULTAN IBRAHIM JOHOR (SMIJ)	DATO'	DATIN DATO' (NAMA SUAMI)	DATIN PADUKA	TIADA
DATO' PADUKA MAHKOTA JOHOR (DPMJ)	DATO'	DATIN DATO' (NAMA SUAMI)	DATIN PADUKA	TIADA
DATO' SETIA SULTAN ISMAIL JOHOR (DSIJ)	DATO'	DATIN DATO' (NAMA SUAMI)	DATIN PADUKA	TIADA
DATO' MULIA SULTAN IBRAHIM JOHOR (DMIJ)	DATO'	DATIN DATO' (NAMA SUAMI)	DATIN PADUKA	TIADA

3.2 **Gelaran “Datin Dato’”** adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 3.2.1 Untuk isteri pertama sahaja.
- 3.2.2 Isteri yang telah diceraikan tidak boleh menggunakan gelaran ini.
- 3.2.3 Isteri boleh menggunakan gelaran ini jika suaminya (Dato’) meninggal dunia, selagi isteri itu tidak bernikah lagi.
- 3.2.4 Sekiranya Dato’ itu bernikah lagi setelah kematian isteri, atau isteri dicerai, isteri baru boleh menggunakan gelaran “Datin Dato’...”
- 3.2.5 Gelaran ini digunakan dalam persuratan dan sebutan rasmi.
- 3.2.6 Boleh disingkatkan dari “Datin Dato’ Abdul Rahim” kepada “Datin Rahim”.

4. PANGGILAN HORMAT “YANG BERHORMAT”

- 4.1 Panggilan “Yang Berhormat” bagi Dato’ Johor (dan Datin Paduka) merupakan kesinambungan penghormatan yang diperkenankan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar pada tahun 1868 kepada Ahli Jumaah Menteri dan dimuliakan oleh Sultan Ibrahim sebagaimana yang terkandung dalam Lembaga Aturan Bagi Perintahan Majlis Raja, Majlis Istana dan Agama 1937. Gelaran hormat ini kekal hingga sekarang, dan termasuk bagi ahli penasihat Jumaah Majlis DiRaja.
- 4.2 Sebagaimana sedia maklum, Jumaah Majlis DiRaja diwujudkan selepas pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor (UUTKJ) pada tahun 1959 serta penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Versi bahasa Inggeris bagi gelaran ini ialah *His Excellency (HE)*. Selepas 1957 ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen digelar “Yang Berhormat” dan dipendekkan kepada “YB”, atau dalam versi Inggeris *The Honorable*. Dengan itu untuk memperkasakan panggilan hormat bagi Dato’ Johor dan ahli Jumaah Majlis DiRaja (JMD) secara lisan atau bertulis hendaklah disebut penuh “Yang Berhormat” dan bukannya “YB” bagi menghormati titah wawasan Sultan Abu Bakar, serta membezakan ahli darjah dengan ahli politik.
- 4.3 Elakkan dari menggunakan gelaran “Yang Berhormat” pada kepala surat peribadi, atau pada *business card*, atau pada ruang tandatangan surat.
- 4.4 Gelaran “Yang Berhormat Mulia” (YBM) hanya untuk kerabat yang dilantik sebagai ahli penasihat Jumaah Majlis DiRaja. Ini disebabkan kerabat yang dikurniakan Darjah Mahkota tidak boleh menggunakan gelaran Dato’ sebagaimana titah Sultan Iskandar pada tahun 1986.

5. ETIKA PENGGUNAAN GELARAN

5.1 Gelaran “Dato” atau “Datin Paduka” adalah bagi seorang ahli Darjah, bukan kepada jawatan atau pangkat (*ascribed title*). Misalnya gelaran “Dato’ Pegawai Kewangan Negeri” atau “Datin Paduka Pegawai Daerah”, atau “Dato’ Speaker” adalah tidak tepat walaupun pemegang jawatan bergelar Dato’ atau Datin Paduka. Cara panggilan yang betul ialah “Yang Berhormat Dato’ Haji Salehuddin bin Haji Hassan, Pegawai Kewangan Negeri”, atau “Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Hazlina binti Jalil, Pegawai Daerah Kota Tinggi. Di dalam mesyuarat boleh digunakan “Tuan Pengerusi” / “Puan Pengerusi” atau “Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri”, atau “Tuan Pegawai Daerah” / “Puan Pegawai Daerah”.

5.2 Bagi makluman gelaran *ascribed title* sekarang terhad kepada Pegawai Istiadat iaitu Dato’ Penghulu Biracana, Dato’ Penghulu Istiadat, Dato’ Penghulu Istana, Dato’ Bentara Kanan, dan Dato’ Bentara Kiri. Jawatan kerajaan Johor yang ada gelaran hanya Dato’ Perdana Dalam. Contoh cara penulisan adalah seperti berikut :

PANGGILAN	JAWATAN / PANGKAT	GELARAN	KELAYAKAN PROFESIONAL / PERIBADI	NAMA
YANG BERHORMAT	PROFESSOR	DATO’		AHMAD
YANG BERHORMAT	BRIG-GEN	DATO’		ABDULLAH
YANG BERHORMAT		DATO’	DR.	SHAHIR
YANG BERHORMAT	SAHIBUS SAMAAH	DATO’	HAJI	YAHYA BIN AHMAD
YANG BERHORMAT		DATO’	DR. HAJI	ABDUL RAHIM

YANG BERHORMAT		DATIN PADUKA	HAJAH	HAZLINA JALIL
YANG BERHORMAT	MEJAR CINA	DATO'		DAVID WONG

5.3 Tidak menulis gelaran Dato' / Datin Paduka di warkah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ini disebabkan seorang ahli darjah merendahkan diri kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Raja dan Kepala Darjah.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Am ini berkuatkuasa serta merta.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI)

Setiausaha Kerajaan

Johor

Tarikh: 16 November 2023